

Headline	IGEM penanda aras pembangunan teknologi hijau		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	22 Feb 2017	Circulation	171,663
Section	Mega	Readership	563,000
Page No	23	ArticleSize	848 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 16,914
Journalist	N/A	PR Value	RM 50,742
Frequency	Daily		



## IGEM penanda aras pembangunan teknologi hijau

SETIAP tahun sejak tujuh tahun lalu, Persidangan dan Pameran Antarabangsa Greentech dan Produk Eko Malaysia (IGEM) sentiasa menjadi penanda aras kepada pembangunan industri teknologi hijau di negara ini.

Sabah tahun, persidangan tersebut sentiasa mendapat sambutan , menandakan teknologi hijau semakin mendapat perhatian, mengenai kepentingannya dan impaknya kepada ekonomi alam sekitar dan sosial dalam jangka panjang.

Sejak itu, pengajian utamanya iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) dan pengajian bersama Malaysia Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) menjadi peneraju dan penggerak industri teknologi hijau tempatan dan hasil usaha mereka, jelas kini banyak pihak menyedari akan pembangunan teknologi tersebut di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan GreenTech Malaysia, **Ir. Ahmad Hadri Haris** berkata, persidangan tersebut sentiasa memberi petanda kepada kejayaan mempromosi teknologi

hijau sebagaimana yang dibuktikan dalam IGEM 2016 . "Penganjuran IGEM 2016 telah melepas sasaran dan mengatasi rekod dalam tahun-tahun sebelumnya dengan kejayaan menjana peluang perniagaan bernilai RM2.2 bilion taitu angka tertinggi sejak pengajianannya pada 2010," ujarnya.

IGEM 2016 berlangsung selama empat hari berturut-turut iaitu dari 11 hingga 13 Oktober lalu itu menunjukkan petanda jelas terhadap posisi IGEM sebagai pelopor terhadap pertumbuhan ekonomi perniagaan berdasarkan teknologi hijau di rantau ASEAN.

Dengan penglibatan sebanyak 350 pempamer daripada 450 buah ruang gerai pameran, IGEM tahun lalu berjaya menarik pelbagai jenis kumpulan sasar dengan kunjungan pelawat dari lebih 33 buah negara merangkumi kelompok pengubal dasar dan polisi, pelabur, usahawan, duta-duta rasmi dan pesuruhjaya perdagangan berkampung di Kuala Lumpur.

"IGEM 2016 telah mencatatkan sejarah sebagai penganjuran paling berjaya setakat ini. Melihatkan kecenderungan pelaburan syarikat korporat dalam teknologi hijau yang memberangsangkan



PAMERAN dan Persidangan Teknologi Hijau dan Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM) sentiasa menjadi penanda aras kepada pembangunan industri teknologi hijau. - GAMBAR HIASAN

memberi petanda positif, sungguhpun suasana ekonomi global berada dalam keadaan tidak menentu akhir-akhir ini," jelasnya lagi.

Menurutnya lagi, selaku peneraju utama gandingan bersama KeTHHA serta rakan strategik seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

(MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) sekali gus memperkuatk pertumbuhan ekonomi berdasarkan teknologi hijau di rantau ini.

"Secara tidak langsung, IGEM menjadi penghubung dan pencetus kepada enam usaha sama yang dijangka bakal memperoleh pulangan pelaburan lebih RM130 juta," ujarnya.

Usaha sama tersebut termasuklah penglibatan badan korporat besar seperti Petronas Dagangan Berhad dan pengajian Ekspo Kenderaan Elektrik Antarabangsa dengan memberi fokus terhadap peningkatan kemampuan agenda automotif tanah air.

Syarikat-syarikat korporat itu juga turut menandatangani dua perjanjian bersama Asia School of Business dan Malaysia Mensa Society untuk menyemai budaya hijau golongan belia.

Memorandum persefahaman (MoU) dua hala turut ditandatangani antara GreenTech

Malaysia dan Lembaga Pelabuhan Johor (JPA) untuk mempromosikan kemampaman perniagaan premis JPA.

Selain usaha sama perniagaan yang melibatkan GreenTech Malaysia, IGEM 2016 turut mencetus model perniagaan baru menerusi kursus, bengkel dan sesi pertemuan antara usahawan dan pelabur sepanjang acara ini berlangsung.

Antara acara tumpuan termasuklah sesi rundingan perniagaan anjuran MIDA, Jubila Business Matching anjuran MES dan International Business Matching oleh Matrade. MIDA secara keseluruhan telah berjaya membawa potensi pelaburan tertinggi dengan jumlah sehingga RM1.2 bilion.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, **Datuk Azman Said** perubahan ekonomi lebih hijau memerlukan komitmen serta dedikasi oleh semua pihak supaya dapat memberi faedah kepada ekonomi arus perdama.

"MIDA telah menjadi rakan strategik IGEM sejak tahun 2010 dan amat berbesar hati dapat membantu memacu ekonomi yang lebih hijau serta meningkatkan kemampaman

landschap pelaburan.

"Dalam tahun 2014 dan 2015 sahaja kami berjaya merekodkan pelaburan terkumpul berjumlah sehingga RM2.8 bilion menerusi IGEM."

"Sebanyak RM610 juta telah pun direalisasikan daripada projek berkaitan pembaharuan tenaga dan pengurusan tenaga."

"Kami melihat projek berpentaksiran besar lain untuk direalisasikan pada masa hadapan dan IGEM merupakan platform strategik untuk memangkin ekonomi negara dengan teknologi hijau," jelasnya.

Secara keseluruhan acara tahunan itu telah berjaya menjana peluang bernilai sehingga RM10 bilion dan manarik lebih 330,000 penyertaan dari lebih 50 buah negara seperti China, Jerman, Jepun, Norway, Belanda, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Pada tahun ini IGEM dijadualkan diadakan pada 11 hingga 13 Oktober ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Maklumat lanjut IGEM 2017 boleh diperoleh menerusi laman sesawang talian di [www.igem.my](http://www.igem.my)



IR. AHMAD HADRI HARIS menunjukkan sebuah kenderaan elektrik di Bangi Selangor.